Masalah sosial seperti ini juga melanda pasangan yang bukan Melayu. Di antara kes-kes yang berlaku seperti isteri yang lari dari rumah adalah kerana campurtangan keluarga pihak suami yang tidak suka kepada menantunya dan yang lebih malang lagi perkahwinan itu tidak direstui oleh keluarganya sendiri.

Sebaliknya puan X[59] seorang yang berketurunan Cina yang telah memeluk Islam pada tahun 1980, mengatakan bahawa perceraian yang berlaku pada tahun 1986 selepas tiga tahun perkahwinannya adalah disebabkan oleh sikap suami yang mencintai wanita lain. Di sini campurtangan keluarga untuk mengeruhkan lagi suasana tidak wujud bahkan merekalah yang menegahnya dari bercerai dengan suaminya.

Perkahwinan bukan Melayu termasuk perkahwinan antara orang Melayu dan bukan Melayu dan perkahwinan antara bukan Melayu dan bukan Melayu. Ini dapat dibuktikan dari kes Normah bt. Abdullah lwn Azmi Abdullah[60]. Di dalam kes ini wanita adalah berketurunan Cina dan lelaki berketurunan India. Mereka telah bercerai ṭalāq tiga pada 31/1/87 berpunca dari sifat suami yang kasar dan pemabuk yang menyebabkannya tidak dapat menjalin hubungan sosial yang baik dengan anak,isteri dan keluarganya.

Hasil rujukan terhadap fail-fail yang melibatkan tahun-tahun 1985 hingga Oktober 1989 didapati bahawa sebab utama perceraian adalah perselisihan faham antara pasangan suami isteri sendiri. Dari penjelasan yang diberikan oleh bekas qadi Klang[61] selaku Pegawai Penyelidikan di Jabatan Agama Islam Selangor didapati bahawa antara perkara utama yang mencetuskan perselisihan faham antara suami isteri adalah di segi ekonomi yang melibatkan suami atau isteri yang bekerja menyerahkan separuh dari gajinya kepada pasangannya sedangkan dia tidak tahu menyelenggarakan wang itu dengan baik misalnya dihabiskan pada perkara yang tidak berfaedah dengan membeli barang mahal yang tidak mampu ditanggung oleh pasangannya. Ini menimbulkan ketidaksenangan hati pasangannya yang akhirnya boleh membawa kepada perceraian.

Ada juga kes kedua-dua pasangan bekerja sedangkan masing-masing tidak mahu bantu-membantu dalam hal perbelanjaan rumahtangga terutama isteri dan dalam hal ini perselisihan mudah berlaku. Akhirnya boleh membawa kepada perceraian.

Sebagai kesimpulan awal dapatlah penulis mengatakan bahawa punca utama perceraian adalah asas pengetahuan rumahtangga yang cetek terutama dalam perkara ekonomi,sosial dan peribadi. Hal ini menyebabkan mereka tidak mengetahui tentang hak dan tanggungjawab masing-masing dan apabila ini berlaku pergolakan rumahtangga mudah berlaku.

Implikasi Perceraian

Perceraian yang berlaku mempunyai implikasi yang tersendiri ...ada kesan yang positif atau kesan yang negatif. Tetapi apa ...iipaparkan kepada kita selama ini perceraian banyak memberi ...t yang buruk kepada pihak-pihak yang terlibat. Sesuatu perkah-...an yang tidak lagi menemui kesefahaman antara suami dan isteri ...ah lebih baik dilakukan perceraian kerana ia tidak dapat menca-...tujuan sesuatu perkahwinan untuk mewujudkan keluarga yang baik ...egi jasmani dan rohani.

Walaupun begitu ia adalah sebagai langkah yang terakhir sete-... usaha-usaha dilakukan untuk mencari penyelesaian dengan peranta-...an Jawatankuasa Pendamai dan Hakam seperti yang telah disebutkan ...alam EUKI Selangor. Namun begitu penulis juga menyedari bahawa ...ceraian adalah dibenci di dalam Islam di samping ia mempunyai ...hikmat tertentu.

Di dalam bahagian ini penulis akan memberi tumpuan tentang ...kah implikasi atau kesan perceraian kepada pihak-pihak yang ter-...libat khususnya terhadap isteri,anak,suami dan masyarakat yang me-...ngkumi orang-orang Islam berketurunan Melayu dan yang bukan Melayu.

### .1 Terhadap Isteri

Apabila berlaku perceraian implikasi terbesar yang dihadapi pihak-pihak yang terlibat ialah di pihak isteri apatah lagi mempunyai anak. Di antara yang perlu dihadapi oleh seorang is- ialah seperti ᶜiddat,nafkah ᶜiddat,mutᶜat atau gantirugi per- ian,harta sepencarian dan haq ḥaḍanat.

a. ᶜIddat dan nafkah ᶜiddat

Seorang wanita yang diceraikan hendaklah menjalani tempoh at atau tempoh menunggu untuk mengetahui tentang kesucian rahim- dari benih suami yang terdahulu. Ia juga untuk memberi masa ke- suami isteri untuk menimbang kembali perceraian mereka dan ju- sebagai pernyataan kesedihan selepas kematian suami bagi perempu- yang berᶜiddat kerana kematian suami.

Firman Allah s.w.t.[62]

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا نَكَحْتُمُ ٱلْمُؤْمِنَٰتِ
ثُمَّ طَلَّقْتُمُوهُنَّ مِن قَبْلِ أَن تَمَسُّوهُنَّ فَمَا لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ
عِدَّةٍ تَعْتَدُّونَهَا ۖ فَمَتِّعُوهُنَّ وَسَرِّحُوهُنَّ سَرَاحًا جَمِيلًا ﴿٤٩﴾

Ertinya: "Wahai orang-orang yang beriman,apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perem- puan yang beriman,kemudian kamu cerai- kan mereka sebelum kamu menyentuhnya, maka tiadalah kamu berhaq terhadap me- reka mengenai sebarang ᶜiddat yang kamu boleh hitungkan masanya. Oleh itu,beri-

lah mut$^{c}$at(pemberian saguhati) kepada mereka,dan lepaskanlah mereka dengan cara yang sebaik-baiknya.

FirmanNya lagi:[63]

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنفُسِهِنَّ
أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا

Ertinya: "Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu,sedang mereka meninggalkan isteri-isteri,hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka(ber$^{c}$iddat) selama 4 bulan 10 hari.

FirmanNya:[64]

وَالْمُطَلَّقَاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ

Bermaksud: "Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka(dari berkahwin)selama 3 kali suci(dari haid).

FirmanNya:[65] وَاللَّائِي يَئِسْنَ مِنَ

الْمَحِيضِ مِن نِّسَائِكُمْ إِنِ ارْتَبْتُمْ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَاثَةُ أَشْهُرٍ
وَاللَّائِي لَمْ يَحِضْنَ ۚ وَأُولَاتُ الْأَحْمَالِ أَجَلُهُنَّ أَن يَضَعْنَ
حَمْلَهُنَّ ۚ وَمَن يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَل لَّهُ مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا ④

Maksudnya: "Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan

> haidh,-jika kamu menaruh syak (terhadap tempoh ciddaṯ mereka)maka ciddaṯnya ialah tiga bulan;dān(demikian) juga ciddaṯ perempuan-perempuan mengandung,tempoh ciddaṯnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya. Dan(ingatlah), sesiapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Allah memudahkan baginya segala urusannya.

Jelas dari ayat-ayat di atas bahawa wanita-wanita yang dicerkan oleh suami-suami mereka wajib berciddaṯ berdasarkan kepada ...an mereka pada masa itu. Jika mereka diceraikan sebelum disetubuhi maka mereka tidak perlu berciddaṯ. Manakala bagi isteri yang kematian suami ciddaṯnya ialah 4 bulan 10 hari dan bagi perempuan yang telah disetubuhi tetapi tidak hamil ciddaṯnya ialah 3 kali suci mengikut mazhab Syafici dan bagi perempuan yang sudah tidak berhaid atau yang tidak berhaid seperti isteri-isteri yang belum baligh ciddaṯ mereka adalah 3 bulan dan bagi isteri yang hamil ciddaṯ mereka ialah sehingga mereka melahirkan anak.

Selain dari tanggingjawab mereka untuk berciddaṯ wanita yang diceraikan oleh suami berhaq untuk mendapatkan nafkaṯ dengan beberapa syarat yang ditentukan. Secara umumnya wanita yang diceraikan boleh dikategorikan kepada 3 golongan,iaitu wanita yang dicerai secara ṭalāq rajci,secara ṭalāq bāin dan yang kematian suami.

Bagi wanita yang diceraikan ṭalāq rajci ia berhaq mendapat nafkaṯ yang berupa makanan,pakaian dan tempat tinggal serta barang-

...ang keperluan untuk keselesaannya dengan syarat dia bukan seo-
...ng isteri yang nusyuz.

Manakala bagi wanita yang dicerai ṭalāq bāin ia hanya berhaq ...dapatkan tempat kediaman dan nafkaṯ disebabkan kehamilannya.[66]

Bagi wanita-wanita yang kematian suami pula mereka tidak ber-...ng mendapat nafkaṯ walaupun mereka hamil kerana mereka akan menda-...t harta pusaka yang ditinggalkan oleh suaminya.[67]

Di dalam EUKI Selangor ada disebutkan tentang °iddaṯ di bawah ...eksyen 55 tetapi hanya disebutkan nafkaṯ dan tempat kediaman secara ...um tetapi di segi perlaksanaannya mereka menjalankannya mengikut ...ukum Syara°.

Walau bagaimanapun terdapat ramai suami yang melalaikan dari ...emberi nafkaṯ semasa °iddaṯ kepada isteri-isteri mereka dan ini ...engakibatkan berlakunya tuntutan nafkaṯ di dalam setengah-setengah ...es. Antaranya Kamsiah Osman V Amir Hamzah Tahrim[68]. Kes ini bermu-...a apabila isteri menuntut nafkaṯ °iddaṯ sebanyak $150.00 selama 3 ...ulan iaitu sebanyak $450.00 kesemuanya. Hakim telah meluluskan ...untutannya.

Selain dari haq mereka untuk mendapatkan nafkah °iddaṯ, is-
...-isteri yang dicerai juga mempunyai tanggungjawab yang tertentu
...a di dalam °iddaṯ. Isteri-isteri yang dicerai itu mestilah ti-
...gal di rumah suaminya sehingga habis °iddaṯ. Tidak halal untuk
...ka keluar dari rumah dan sebaliknya juga suami tidak boleh meng-
...u mereka keluar dari rumah. Ini adalah bagi isteri-isteri yang
...rai ṭalāq raj°i dan ṭalāq bāin. Manakala bagi perempuan yang
...atian suami mereka boleh keluar di siang hari dan sebahagian ma-
... tetapi ṭidak boleh bermalam di rumah orang lain, kecuali di rumah
...arga sendiri.[69] Ini adalah pendapat golongan Ḥanafi.

Sebaliknya golongan Ḥambali membolehkan mereka keluar di si-
... hari dalam semua keadaan tetapi tidak membenarkan langsung kelu-
... ada malam hari kecuali kerana hal yang mustahak kerana ditakuti
...ul fitnah.[70]

Perempuan yang kematian suami juga hendaklah berkabung sepan-
... masa °iddaṯ dan ini diterima oleh semua fuqaha' kecuali dalam
...āq bāin . Golongan Ḥanafi mewajibkannya berkabung sedangkan golo-
...n lain tidak mewajibkan.

Ini adalah berdasar firman Allah[71]

يٰأَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَطَلِّقُوهُنَّ لِعِدَّتِهِنَّ
وَأَحْصُوا الْعِدَّةَ وَاتَّقُوا اللّٰهَ رَبَّكُمْ لَا تُخْرِجُوهُنَّ مِنْ

بُيُوتِهِنَّ وَلَا يَخْرُجْنَ إِلَّآ أَن يَأْتِينَ بِفَٰحِشَةٍ مُّبَيِّنَةٍ

Maksudnya: "Wahai Nabi! Apabila kamu-(engkau dan umatmu)-hendak menceraikan isteri-isteri(kamu),maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan ^c^iddatnya dan hitunglah waktu ^c^iddat itū serta bertaqwalah kepada Allāh Tuhanmu. Janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah kediamannya(sehingga selesai ^c^iddatnya),dan janganlah pula(dibenarkan) mereka keluar(dari situ),kecuali (jika)mereka melakukan perbuatan keji yang nyata.

Kesimpulannya isteri yang diceraikan oleh suami wajib ber- ...at dan tidak dibenarkan keluar dari rumah suami sepanjang tem- ... itu untuk memberi peluang kepada suami isteri itu memikir kem- ... tentang keadaan mereka untuk mencari titik pertemuan kembali. ... mereka yang kematian suami,selain berkabung,wanita tersebut ...h keluar dari rumah pada siang hari dan di waktu malam apabila ... hal yang mustahak.

b. Mut°at

Tuntutan mengenai mut°at atau saguhati selepas perceraian …h dituntut oleh pihak isteri dan ini diharuskan oleh Islam ber…rkan kepada Firman-firman Allah. Antaranya:[72]

لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِن طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ مَا لَمْ تَمَسُّوهُنَّ أَوْ تَفْرِضُوا لَهُنَّ فَرِيضَةً وَمَتِّعُوهُنَّ
عَلَى الْمُوسِعِ قَدَرُهُ وَعَلَى الْمُقْتِرِ قَدَرُهُ مَتَاعًا بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُحْسِنِينَ ﴿٢٣٦﴾

Bermaksud: "Tidaklah kamu bersalah(dan tidaklah kamu menanggung bayaran maskahwin) jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu sentuh(bercampur)dengan mereka atau sebelum kamu menetapkan maskahwin untuk mereka. Walaupun demikian,hendaklah kamu memberi mut°at(pemberian saguhati)kepada mereka(yang dIceraikan itu). Iaitu;suami yang senang(hendaklah memberi saguhati itu) menurut ukuran kemampuannya;dan suami yang susah pula menurut ukuran kemampuannya,sebagai pemberian saguhati menurut yang patut,lagi menjadi satu kewajipan atas orang-orang(yang) mahu berbuat kebajikan.

FirmanNya lagi:[73]

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نَكَحْتُمُ الْمُؤْمِنَاتِ
ثُمَّ طَلَّقْتُمُوهُنَّ مِن قَبْلِ أَن تَمَسُّوهُنَّ فَمَا لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ
عِدَّةٍ تَعْتَدُّونَهَا فَمَتِّعُوهُنَّ وَسَرِّحُوهُنَّ سَرَاحًا جَمِيلًا ﴿٤٩﴾

Ertinya: "Wahai orang-orang yang beriman,apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman,kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuhnya,maka tiadalah kamu berhaq terhadap mereka mengenai sebarang °iddat yang kamu boleh hitungkan masanya. Oleh Itu,berilah mut°at(pemberian saguhati)kepada mereka,dan lepaskanlah mereka dengan cara yang sebaik-baiknya.

FirmanNya lagi:[74]

وَلِلْمُطَلَّقَٰتِ مَتَٰعٌۢ بِٱلْمَعْرُوفِ ۖ حَقًّا عَلَى ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٢٤١﴾

Ertinya: "Dan isteri-isteri yang diceraikan, berhaq mendapat mut$^c$at(pemberian saguhati)dengan cara yang patut, sebagai satu tanggungan yang wajib atas orang-orang yang taqwa.

Mazhab Syāfi$^c$i[75] berdasarkan nas-nas di atas mewajibkan mut$^c$at kepada isteri yang diceraikan sebelum atau sesudah disetubuhi dan sama ada sudah ditentukan maharnya atau belum. Ia perlu dibayar kepada semua isteri yang diceraikan kecuali yang telah ditentukan maharnya walaupun sebelum persetubuhan. Meskipun begitu ia hanya wajib dibayar apabila wanita itu diceraikan oleh suami bukan perceraian yang diminta oleh isteri seperti fasakh. Ia boleh berbentuk wang, pakaian dan lain-lain. Tetapi yang biasa diamalkan di negeri Selangor ialah dalam bentuk wang.

Di dalam EUKI Selangor peruntukan mengenai mut$^c$at ada disebutkan di bawah seksyen 55 dan haq untuk membuat tuntutan terhadap mut$^c$at disebutkan di bawah seksyen 56.

Di antara kes tuntutan mut$^c$at yang telah diputuskan ialah <u>Ramsiah Osman</u> V <u>Amir Hamzah Tahrim</u>[76]. Di dalam kes ini isteri telah membuat tuntutan nafkah anak,nafkah $^c$iddat dan mut$^c$at. Mahkamah telah memutuskan bahawa isteri berhaq mendapat bayaran mut$^c$at sebanyak $350.00.

## Harta Sepencarian

Peruntukan mengenai harta sepencarian ada disebutkan di da- EUKI Selangor di bawah seksyen 58:

> "Mahkamah adalah mempunyai kuasa,apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian,memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu".

Harta sepencarian seperti yang diperuntukkan di dalam EUKI ...ngor ini dita°rifkan sebagai 'Harta yang diperolehi bersama ... suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut syarat- ...rat yang ditentukan oleh Hukum Syara°'.(Lihat Lampiran G (EUKI) ...gian pendahuluan).

Walau bagaimanapun syarat-syarat pembahagian itu adalah meng- ... budibicara Hakim berdasarkan syarat-syarat yang telah ditentu- ... di bawah seksyen 58(1)(2)(3)(4) dan (5).[77]

Jika ditinjau dari pandangan Islam,peruntukan mengenai harta ...pencarian ini tidak pernah wujud tetapi °adat Melayu memberikan ... kepada isteri yang dicerai untuk menuntut sebahagian harta yang ...perolehi semasa perkahwinan dan inilah yang dinamakan tuntutan ...rta sepencarian.[78]

Walau bagaimanapun sebagai penyelesaian kepada perkara di-
as kita membuat kesimpulan bahawa harta sepencarian ini tidak
bertentangan dengan Islam dengan beberapa sebab. Pertamanya ia ber-
padatan dengan qāᶜidat fiqhiyyat yang menyatakan ( العادة محكمة )[79]
atau "adat diperhakimkan". Ia merupakan satu faktor yang boleh me-
netakkan harta sepencarian ini diakui oleh Syaraᶜ.

Keduanya,suami isteri masing-masing bekerja memberi sumban-
gan untuk keharmonian keluarga sama ada di segi material atau ke-
rajikan dan masing-masing harus mendapat ganjaran dari apa yang
dikerjakan[80]. Walaupun mereka berkahwin tetapi harta mereka itu
tidak menjadi satu,harta isteri tetap kepunyaannya dan begitu juga
harta suami. Oleh itu apabila perceraian berlaku adalah menjadi haq
kepada kedua-duanya untuk mengambil haq masing-masing.[81]

Sebagai kesimpulannya dapatlah dinyatakan bahawa harta sepen-
carian ini tidak bertentangan dengan Syaraᶜ dan untuk mencapai ke-
adilan di dalam tuntutan yang dibuat,peruntukan yang telah ada itu
perlu dilaksanakan dengan teratur dengan membuat beberapa pembaharu-
an untuk memberikan kekesanan kepada perlaksanaannya.

d. Ḥaḍānat

Ḥaḍanat berasal dari perkataan "Ḥidan" bererti lambung. Di-
segi istilāḥ para ᶜulamā' fiqh ia bermaksud melakukan pemeliharaan
anak-anak yang masih kecil,lelaki atau perempuan atau yang sudah

ar tetapi belum mumaiyiz,menyediakan segala keperluannya,menjaga sesuatu yang menyakiti,mendidik jasmani,rohani dan °aqal agar pu berdikari menghadapi hidup dan memikul tanggungjawab[82] serta sahaja yang perlu bagi kehidupan seorang kanak-kanak.

Jumhur °ulamā' berpendapat bahawa ibu dalah orang yang paling haq untuk memelihara dan mengasuh anak yang masih kecil dengan t-sifat yang ada padanya seperti kesabaran,kemesraan dan waktu cukup untuk memberi pendidikan terhadap anak-anak. Mereka ber-kan dengan hadith Rasulullah s.a.w.[83]

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو أَنَّ إِمْرَأَةً قَالَتْ : يَارَسُولَ
اللهِ(ص) إِنَّ ابْنِي هٰذَا كَانَ بَطْنِي لَهُ وِعَاءً وَحِجْرِي لَهُ
حِوَاءً ، وَثَدْيِي لَهُ سِقَاءً . وَزَعَمَ أَبُوهُ أَنَّهُ يَنْزِعُهُ
مِنِّي ، فَقَالَ : أَنْتِ أَحَقُّ بِهِ مَالَمْ تَنْكِحِي .

Maksudnya: "Dari °Abdullah bin °Amr bahawa seorang wanita telah bertanya:"Ya Rasulullah! ini adalah anakku,perutkulah yang mengandungnya,susukulah yang memberi minuman,dan pangkuankulah yang memangkunya. Sesungguhnya bapanya telah menceraikan aku dan dia hendak mengambilnya dengan paksa dariku." Maka Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya: "Engkaulah yang lebih berhaq terhadap anak itu selagi engkau tidak berkahwin lain".

Di dalam seksyen 82(1) diperuntukkan bahawa ibu adalah orang g paling berhaq untuk menjaga anak sama ada semasa perkahwinan au selepas perkahwinan dibubarkan. Walau bagaimanapun haq ḥaḍinaṯ an hilang jika dia bukan seorang Islam,tidak sempurna °aqal,belum

...umur yang melayakkannya menjaga kanak-kanak itu,tidak berakhlaq ...ra Islam dan tidak tinggal di tempat yang dapat menjaga akhlaq ...jasmani kanak-kanak itu.[84]

Walau bagaimanapun seorang ibu itu hanya barhaq menjaga anaknya sehingga mereka berumur 7 tahun bagi lelaki dan 9 tahun ...perempuan tetapi ia boleh membuat permohonan kepada mahkamah ...k menjaga mereka sehingga berumur 9 tahun bagi lelaki dan 11 ...hun bagi perempuan. Apabila kanak-kanak itu telah mumaiyiz (biasanya berumur 7 tahun) maka ia berhaq untuk memilih tinggal bersa... ibu atau bapanya kecuali mahkamah memutuskan sebaliknya.[85]

Dalam apa pun pertikaian yang dibuat terhadap tuntutan pe...liharaan anak semua pihak harus memikirkan tentang kebajikan ka...ak-kanak tersebut. Dengan peruntukan-peruntukan yang diberi itu ...harapkan ia dapat menyelesaikan perbalahan antara pihak-pihak ...ang terlibat mengenai hak penjagaan terhadap kanak-kanak.

e. Kesan Emosi Dan sosial

Sebagaimana yang diketahui wanita yang diceraikan menghadapi ...erbagai masalah di segi emosi dan sosial. Kehidupan sebagai seorang ...anda apatah lagi yang mempunyai anak sentiasa menghadapi sangkaan ...uruk dari masyarakat. Oleh itu seorang wanita yang sedang menghadapi masalah tersebut perlu menghadapinya dengan tenang dan memi...irkan tentang kehidupan yang bakal ditempuhi tanpa suami. Namun ...ang lebih utama keredaan Allah diletakkan di tempat yang pertama.

Inilah di antara kesan-kesan perceraian terhadap bekas is-
i yang perlu dihadapinya agar dia tidak terlepas haq-haq yang ...tutnya diperolehi apabila berlaku perceraian.

Implikasi perceraian ini adalah meliputi semua isteri yang ...gama Islam tidak kira dia Melayu atau bukan Melayu. Tetapi satu ...ara yang harus disyukuri bahawa sepanjang kajian penulis yang ...libatkan tahun-tahun 1985 hingga Oktober 1989 tidak ada seprang ... isteri muslim yang beragama Islam kembali ke agama asal walau- ...dipulau oleh keluarga mereka.[86] Ini adalah kerana keikhlasan me- ... memeluk Islam bukan kerana perkahwinan semata-mata tetapi untuk ...cari kebenaran.

...2 Terhadap Anak

Di antara perkara-perkara yang terpaksa dihadapi oleh anak- ...k hasil perceraian ibu bapa mereka ialah masalah di segi emosi ...n hak yang wajib diperolehi menurut agama Islam.

Di segi perundangan Islam apabila ibu bapa bercerai maka an- ...-anak sangat diberi perhatian yang besar. Masalah yang selalu tim- ...bul ialah di segi penjagaan. Adalah menjadi satu hak kepada anak- ...ak untuk menerima penjagaan yang sewajarnya dari kedua ibu bapa ...idak kira semasa perkahwinan atau selepas perceraian. Penerangan ...entang penjagaan atau حضانة telah disebutkan oleh penulis di-

bahagian kesan-kesan perceraian terhadap isteri yang telah di-
...kan sebelum ini.

Walaupun penjagaan anak-anak selepas perceraian dipisahkan ... waktu tertentu kepada ayah atau ibu tetapi Islam juga me-...kan agar hubungan antara ayah,ibu dan anak tidak terputus begi-...ja. Ini untuk menjaga kebajikan anak-anak itu. Oleh itu jika ...nya ibu ingin berpindah ke tempat lain ia hendaklah di bawah ...huan ayah. Begitu juga jika penjaga kanak-kanak itu telah ...kar kepada selain ibu.[87]

Jika sekiranya ibu hilang keupayaan untuk menjaga dan memeli-...anaknya maka haq hadānat itu berpindah kepada mereka yang dise-... di bawah seksyen 81(2)(a) hingga(1).[88]

Selain masalah penjagaan,seorang anak kecil mempunyai haq un-... mendapatkan susuan walaupun ibu dan ayahnya telah berpisah. Se-...dari itu juga ia berhaq terhadap nafkah yang berbentuk material ... menjamin kehidupannya sebelum ia mampu berdiri atas kaki sendi-...atau setelah ia berumahtangga.

Di dalam EUKI Selangor ada diperuntukkan bahawa adalah menja-...atu kewajipan bagi seseorang lelaki itu menanggung nafkah anak ... ada anak itu berada di bawah jagaannya atau orang lain. Oleh ... seorang anak berhaq mendapatkan tempat tinggal,pakaian,makanan, ...ubatan,pelajaran dan sebagainya yang munasabah sebagai nafkah.[89]

Walau bagaimanapun apabila bapa meninggal dunia atau tidak ...ahui tempatnya adalah menjadi tanggungjawab seorang lain di se...kum Syara^c untuk menanggung nafkah mereka.[90] Di dalam keadaan ...alan menjadi tanggungjawab datuk dan kaum kerabat yang lain ... memberi nafkah kepada anak-anak tersebut.[91]

Selain dari itu perceraian juga membawa kesan yang buruk ter... emosi dan perkembangan hidup seorang kanak-kanak. Ada kanak-...k yang membenci ibu dan bapanya, ada yang bersikap tidak tahu[92] ...idak kurang pula yang merindui ayah atau ibu mereka yang telah ...tinggal bersama. Apa yang lebih malang, sikap mereka itu ak...a menjadi dendam dan membuat perkara-perkara yang menyakitkan ... dengan tujuan untuk mendapatkan perhatian.

Di sebabkan kelalaian pihak bapa untuk memberi nafkah sele... berlaku perceraian maka berlakulah kes-kes tuntutan nafkah anak ... tertangguh. Biasanya dalam keadaan ini ibu bagi anak tersebut ... membuat tuntutan kepada mahkamah bagi pihaknya. Dalam kes Nadi-...bt. Madrum V Abd. Rashid b. Dahali[93]. Pihak isteri telah mem-... tuntutan nafkah anak sebanyak $360.00 iaitu nafkah bulanan se-...ak $60.00 bagi dua bulan pada tahun 1988 dan 4 bulan pada tahun ... bagi bulan Januari, Februari, Mac dan Mei. Permohonannya itu te-... diterima oleh mahkamah dan memerintahkan pihak suami membayarnya.

Inilah di antara implikasi perceraian terhadap anak-anak yang terpaksa dihadapi oleh mereka dan kita sebagai orang dewasa perlu menyedari bahawa mereka juga mempunyai haq di sisi undang-undang Islam apabila sesuatu perceraian itu berlaku.

.3 Terhadap suami

Implikasi perceraian terhadap suami adalah lebih besar jika dibandingkan dengan isteri dan anak-anak terutama di sisi undang-undang. Walau pun demikian di segi emosi pihak suami tidak begitu menghadapi masalah yang besar.

Sebagaimana yang telah diperbincangkan sebelum ini kesemua haq yang sepatutnya diperolehi oleh isteri dan anak-anak adalah ditanggung ke atas suami. Haq-haq tersebut adalah seperti nafkah ciddat, mut$^{c}$at, harta sepencarian dan nafkah anak.

Walau bagaimanapun pihak suami masih boleh mendapatkan haq penjagaan anak-anak setelah mereka sampai ke peringkat mumaiyis. Di peringkat ini bapa perlulah bersedia mendidik anak-anak dan menjaganya sekiranya dia mendapat haq penjagaan.

Manakala di segi emosi suami tidak begitu banyak mendapat kesan yang negatif kecuali apabila dia mengalami 'gila ṭalāq' terutamanya selepas ṭalāq tiga apabila sudah tiada peluang untuk kem-

kecuali isterinya berkahwin lain terlebih dahulu. Biasanya suami menghadapi masalah kesepian terutama apabila anak-anak ...a di bawah jagaan isteri. Di dalam keadaan ini barulah suami ...a menyesal dengan apa yang telah berlaku tetapi ini berlaku ...a apabila suami yang menjadi punca perceraian. Sebaliknya jika ...k dia tidak akan merasa begitu tertekan dengan keadaan yang ada.

Manakala di kalangan mereka yang menjadi 'saudara baru',per- ...aian merupakan satu perkara yang memberi kesan yang sangat nega- ... kepada mereka. Ada di kalangan mereka yang sanggup kembali ke ...ma asal kerana kecewa di dalam rumahtangga mereka. Tetapi hal ... hanya terlalu sedikit.[94] Di antara sebab utamanya ialah mereka ...luk agama Islam hanya untuk menghalalkan perkahwinan bukan ke- ... kebenaran agama Islam itu sendiri.

### ..4 Terhadap Masyarakat

Masyarakat adalah terdiri dari individu-individu yang mem- ...uk satu keluarga dan dari keluarga-keluarga ini terbentuknya ...arakat. Oleh itu apabila struktur pembinaan sesebuah masyarakat ... telah goyah dengan berlakunya perceraian maka implikasinya juga ... mengenai masyarakat. Ini adalah kerana baik dan buruknya ma- ...rakat itu adalah bermula dari rumahtangga. Buruk rumahtangga ma- ... buruklah masyarakat.

Sebagai satu natijah dari perceraian yang berlaku kepada ...arakat ialah di sudut sosial. Di dalam perkara ini didapati ...ilnya masalah anak-anak yang terbiar tanpa asuhan dan didikan ... sempurna dari ibu bapanya. Di sini muncullah gejala-gejala ya... ...dak sihat melanda masyarakat seperti penagihan dadah,kecurian, ...unuhan,kongsigelap,pelacuran dan sebagainya.

Perceraian juga melahirkan hubungan yang kurang baik di an... ... pihak keluarga suami dan isteri.[95] Ini berlaku akibat tidak ma... ... kedua-dua pihak untuk menerima hakikat bahawa perceraian itu ... berpunca dari anak perempuan atau anak lelaki mereka.

Secara tidak langsung juga kesan sesuatu perceraian yang ber... ... boleh memberi pengajaran kepada pasangan-pasangan yang lain ya... ...ngin bercerai apabila mereka melihat kesan negatif dari sesuatu ...ceraian itu lebih banyak dari kesan yang positif. Hasilnya mereka ... berfikir beratus kali sebelum membuat keputusan untuk bercerai.

Akhirnya perceraian juga secara tidak langsung akan membeban... ...masyarakat untuk menanggung isteri dan anak-anak yang terbiar ...lah berlaku perceraian disebabkan sikap tidak bertanggungjawab ... yang tidak memberi nafkah kepada isteri semasa di dalam ^c^iddat ... nafkah anak-anak.

Di dalam hal ini setiap anggota masyarakat hendaklah mengenali tanggungjawab masing-masing untuk membantu para isteri dan anak-anak yang memerlukan bantuan untuk menjalani hidup mereka. Selain dari itu pihak-pihak yang berwajib seperti Kementerian Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Agama Islam hendaklah mengenalpasti masalah ini agar tindakan yang sebaik-baiknya dapat dilakukan.

## Notakaki

1. Sek. 124 (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984).
2. Lihat Lampiran F
3. Temubual dengan Ustazah Khamsah Hj. Ramli,Pegawai Kebajikan Wanita,di pejabatnya pada 17/7/89.
4. Sek. 45(a)(b)(c)
5. Sek. 46(1)(2)
6. Sek. 47(1)(a)(b)(c)(d)(e)(f)(g)
7. Sek. 47(3)(4)(5)
8. Sek. 47(5)(6)
9. Sek. 47(7)(8)
10. Sek. 47(9)(10)
11. Sek. 47(11)(12)(13)
12. Sek. 47(14)
13. Sek. 47(15)
14. Sek. 47(16)(17)
15. Sek. 48(1)(2)
16. Sek. 48(3)(4)
17. Sek. 48(5)(6)
18. Sek. 49(1)
19. Sek. 49(2)(3)
20. Sek. 49(4)
21. Sek. 50(1)(2)
22. Sek. 51(3)(4)
23. Sek. 51(5)(6)

.Sek. 51(8)

.Sek. 51(9)

.Sek. 52(2)

.Sek. 52(3)

.Sek. 52(4)

.Sek. 53(1)

.Sek. 53(2)

.Sek. 53(3)

.Sek. 53(4)

.Sek. 54(1)(2)(3)

.Sek. 54(4)

.Sek. 54(5)

.Sek. 55

.Sek. 56

.Sek. 58(1)

.Sek. 58(2)

.Sek. 58(3)

.Sek. 58(4)

.Sek. 58(5)

.Temubual dengan Ustazah Khamsah Hj. Ramli,Pegawai Kebajikan Wanita di pejabatnya pada 17/7/89.

.Temubual dengan Ustazah Khamsah Hj. Ramli di tempat dam masa yang sama.

.Temubual dengan Ustazah Khamsah Hj. Ramli di tempat dan masa yang sama.

.Fail kes bil. 46/89 -

Fail kes bil. 38/89.

Fail kes bil. 124/89.

Atan Long, Psikologi Pendidikan, (Cetakan 3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1982. Hal. 332.

Dr. Siti Zulaikha Mohd. Noor, Rundingcara Keluarga Sebagai Satu Cara Untuk Mengatasi Masalah Kekeluargaan Islam Di Malaysia, Seminar Perlaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam Peringkat Kebangsaan, 26-28 Jun 1989. Hal. 4.

Ibid. hal. 5.

Fail kes bil. 31/85.

Fail kes bil. 24/89.

Dr. Siti Zulaikha Mohd. Noor, op.cit. hal. 5.

Temubual dengan Ustaz Turmizi Surip, bekas kadi Klang (1982-1987) di rumahnya pada 26/8/89.

Temubual dengan Cik Shalehah Mat Zin, Peguam Syar$^{c}$i dari Qamar Ainiyah & Co pada 6/12/89.

Dr. Siti Zulaikha Moda. Noor, op.cit.hal. 7.

Temubual dengan Puan X(India Muslim) di PAIK pada 9/12/89.

Temubual dengan Puan X(Bangsa Cina beragama Islam) di PAIK pada 23/9/89.

Fail kes bil. 1680/2/89.

Temubual dengan Ustaz Turmizi Surip, bekas Kadi Klang(1982-1987) di rumahnya pada 26/8/89.

Sūrat al-Ahzab: 49.

Sūrat al-Baqarat: 234.

Sūrat al-Baqarat: 228.

.Surat al-Talaq:4

.Syeikh Muhammad Daud Fatanīy,<u>Matla<sup>c</sup> al-Badrain</u>. Pulau Pinang: Sulaiman Press,t.t. Hal. 177.

.Dr. <sup>c</sup>Abdullah <sup>c</sup>Uqlat,<u>Nizam al-Usrat fi-al-Islam</u>,Juz 1,Maktabat al-Risalat al-Hadīthat,1983. Hal. 254.

.Fail kes bil. 67/86.

.Sayyid Sabiq,<u>Fikih Sunnah</u>(Terj. Mahyuddin Syaf),(Cetakan 2). Bandung:PT al-Ma<sup>c</sup>arif,1983. Hal. 157.

.Ibid. hal. 159.

.Surat al-Talaq: 1

.Surat al-Baqarat: 236

.Surat al-Ahzab: 49

.Surat al-Baqarat: 241

.Al-Nawawīy,<u>Al-Majmu<sup>c</sup>Syarh al-Muhazzab</u>,Juz 15,Mesir:cetakan al-Imam,hal. 543.

.Fail kes bil. 67/86.

.EUKI Selangor bil. 4 1984.

.Prof. Madya Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid,(et. al.),<u>Undang-Undang Keluarga Islam-Konsep Dan Perlaksanaannya Di Malaysia</u>), Kuala Lumpur:Karya Abazie,1989. Hal. 212.

.Al-Imam Jalaluddin <sup>c</sup>Abdul Rahman al-Sayutīy,<u>Al-Asybah wa-al-Naza-ir</u>,Lebanon:Dar al-<sup>c</sup>Alamiat,1983m/1403h. Hal. 83.

.Prof. Madya Mahmood Zuhdi,op.cit. hal. 216.

.Ibid. hal. 216.

.Sayyid Sabiq,op.cit. hal. 160-161.

.Al-Ustaz al-Syeikh Ahmad Sa<sup>c</sup>ad <sup>c</sup>Ali,<u>Sunan Abī Daud</u>, Juz 1. Mesir: Syarikat Maktabat Mustafa al-Babī al-Halbī,1926. Hal. 529.

UUKI Selangor bil. 4 1984.

Sek. 84(1)(2)

Temubual dengan Ustazah Khamsah Hj. Ramli, Pegawai Kebajikan Wanita di pejabatnya pada 17/7/89.

Umar ᶜAbdullah, <u>Aḥkām al-Syarīᶜat al-Islāmiyyat fi-al-Aḥwāl al-Syakhsiyyat</u>, (Cetakan 4), Dar al-Maᶜarif, 1964. Hal. 563.

UUKI Selangor bil. 4 1984.

Sek. 72(1)

Sek. 72(2)

Dr. ᶜAbdullah ᶜUqlat, op.cit. hal. 297-298.

Temubual dengan Puan Mazidah Syamsuri, di PAIK pada 7/10/89.

Fail kes bil. 29/86.

Temubual dengan Ustazah Khamsah Hj. Ramli di pejabatnya pada 17/7/89.

Temubual dengan Norliah Selamat, ahli keluarga yang mengalami perceraian di Asrama Yayasan Pelajaran Mara pada 5/1/90.